

11 APR 2000

TAJUDIN-RANGKA KERJA/I

TAJUDIN GESA SEDIAKAN RANGKA KERJA BAGI PENSEJAGATAN

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Asean harus menyediakan satu rangka kerja baru tentang bagaimana ia boleh mengambil bahagian yang bermakna dalam proses pensejagatan, kata presiden Dewan Perniagaan dan Industri Asean Tan Sri Tajudin Ramli hari ini.

Sektor yang memerlukan segera rangka kerja atau garis panduan ini ialah sektor perkhidmatan yang meliputi perkhidmatan kewangan, telekomunikasi, multimedia dan udara, katanya.

Bercakap pada satu sidang akhbar selepas perasmian Persidangan Kemuncak Perniagaan Asean 2000 di sini, beliau berkata satu rangka kerja baru diperlukan kerana masyarakat perniagaan Asean tidak yakin bahawa rangka kerja mengenai pensejagatan yang ada sekarang boleh melindungi kepentingan mereka.

Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kata Tajudin penyediaan rangka kerja ini adalah sebahagian daripada pembinaan keupayaan untuk menghadapi cabaran-cabaran pensejagatan.

Cara lain untuk membina keupayaan Asean bagi menghadapi cabaran-cabaran ini termasuklah prasarana fizikal dan sumber manusia, katanya.

-- BERNAMA

AD KY MA